



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA NEGERI PERAK

Tingkat 1, Blok C, Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
30450, Ipoh, Perak.



Tel.: 05-2549396
Faks: 05-2550670
Email: perak@skm.gov.my
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Rujukan Kami : SKM.PK :6/6/4 JLD.13(13)
Tarikh : 18 Ogos 2020

Ketua Jabatan/
Agensi Berkenaan

Tuan,

PENGIKTIRAFAN CUTI TANPA REKOD BAGI MENGHADIRI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 33 KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan koperasi kali ke-33 pada ketetapan seperti berikut :

Tarikh : 29 September 2020 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Felcra Seberang Perak


3. Mesyuarat ini adalah diiktiraf sebagai berfaedah kepada gerakan koperasi di negara ini. Dengan ini, anggota-anggota koperasi yang menghadiri mesyuarat tersebut adalah berkelayakan untuk mendapat cuti tanpa rekod pada 29 September 2020 mengikut Perintah Am 43(b) Bab C.

4. Oleh yang demikian, Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan bolehlah menimbangankan pemberian cuti tanpa rekod kepada pegawai yang terlibat. Kelulusan cuti tanpa rekod ini adalah atas budi bicara Ketua-ketua Jabatan dan tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan dalam Jabatan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(JULIZA BINTI JAAFAR)
Ketua Penolong Pengarah,
b/p Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Perak

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR 5364